

**Umno Kelantan Tidak Gopoh Senaraikan Calon PRK Pengkalan Kubor
Bernama
Sept 6, 2014**

KOTA BAHARU, 6 Sept (Bernama) -- Umno Kelantan tidak akan tergopoh-gapah untuk menyediakan senarai calon yang difikirkan layak bertanding mempertahankan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Pengkalan Kubor pada Pilihan Raya Kecil (PRK) DUN itu, 25 Sept ini.

Pengerusinya Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata walaupun masih tinggal beberapa hari sebelum mengumumkan calon Barisan Nasional (BN) pada 10 Sept ini, Umno Kelantan tetap mahu memastikan calon yang akan dicadangkan nanti adalah yang terbaik buat pengundi di situ.

"Kita masih belum muktamadkan senarai calon dan masih dalam proses membuat tinjauan terhadap calon. Ada masa dua tiga hari lagi," katanya dalam sidang akhbar di sini, hari ini.

Mustapa yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menafikan dakwaan PAS dalam satu ceramahnya malam tadi yang mendakwa BN telah gagal membawa pembangunan walaupun menang di DUN itu selama tiga penggal sebelum ini.

"Saya nasihatkan kalau mahu bercakap biar berhati-hati. Kawasan ini juga anggota Parlimennya adalah daripada PAS dan kita perlu bertanya kepada mereka apa yang telah mereka lakukan di DUN itu selama ini," katanya.

Beliau berkata jika projek tebatan banjir yang didakwa mereka sebagai kegagalan Kerajaan Pusat, Mustapa menafikan projek itu tidak dilakukan sebaliknya setiap perancangan yang membabitkan kos berbilion ringgit itu akan dilaksanakan secara sempurna dan berperingkat.

Katanya apa yang ada di DUN itu seperti prasarana jalan raya, hospital, klinik dan juga sekolah semuanya dilaksanakan dengan baik oleh Kerajaan Pusat sebelum ini.

"Kalau cakap kena halusi dan mereka perlu cermin diri serta lihat apa tanggungjawab mereka yang telah dilakukan untuk pengundi di situ," katanya.

Mengulas dakwaan BN akan membawa samseng sepanjang kempen PRK itu, Mustapa menafikannya dan menyifatkan ia sebagai satu fitnah yang bertujuan mahu menakutkan pengundi.

Mustapa berkata BN tidak akan gentar berhadapan dengan calon PAS jika Pakatan Rakyat memilih parti berkenaan bertanding walaupun parti itu dilaporkan akan meletakkan calon 'berpengaruh' di situ.

Pilihan raya kecil DUN itu diadakan berikutan kematian penyandangannya Datuk Noor Zahidi

Omar, 57, dari Barisan Nasional (BN), akibat kanser hati di sebuah hospital di Guangzhou, China, pada 20 Ogos lepas.

Pada pilihan raya umum lepas, Allahyarham yang mewakili BN mengalahkan calon PKR Saharun Ibrahim dan calon Bebas Izat Bukhary Ismail Bukhary dengan majoriti 1,736 undi.

Suruhanjaya Pilihan Raya telah menetapkan 13 Sept ini sebagai tarikh penamaan calon manakala hari pengundian pada 25 Sept.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source :<http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1066530>